

D733

B B644 DEB  
MAHATHIR - SAGA  
(I)

KANGAR, 29 OKT (BERNAMA) -- KELEMBAPAN JUALAN KERETA NASIONAL +PROTON SAGA+ TIDAK BERERTI PROJEK INDUSTRI BERAT KERAJAAN MENGALAMI KEGAGALAN; KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI MAHATHIR DI SINI HARI INI.

BELIAU BERKATA KEADAAN ITU DISEBABKAN KEMELESETAN EKONOMI SEKARANG DAN BUKANNYA AKIBAT PERANCANGAN YANG SALAH.

PERDANA MENTERI MENYATAKAN PERKARA INI KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN PEMIMPIN-PEMIMPIN BARISAN NASIONAL PERLIS DI RUMAH TETAMU DI SINI.

BELIAU BERKATA SYARIKAT-SYARIKAT YANG LEBIH BESAR DAN BERPENGALAMAN SEPERTI GENERAL MOTORS DI AMERIKA SYARIKAT DAN DI EROPAHPUN MENGALAMI KESUKARAN PEMASARAN KERETA KELUARAN MEREKA.

+TETAPI MEREKA MENGHADAPI MASALAH ITU SEMASA EKONOMI BAIK SEDANGKAN KITA MENGALAMI MASALAH PEMASARAN PROTON SAGA SEMASA KEMELESETAN EKONOMI,+ UJAR BELIAU

BELIAU JUGA MENAFIKAN LAPORAN DALAM MAJALAH FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW YANG MENDAKWA SEBUAH ANAK SYARIKAT HICOM, PERWAJA TERENGGANU IRONS STEEL WORKS TURUT MENGALAMI KEGAGALAN. -- LAGI  
2133MST 29 10 86

D741

U B647 DEB  
MAHATHIR - SAGA 2 KUALA LUMPUR  
(I)

BELIAU BERKATA KILANG SYARIKAT ITU DI TERENGGANU YANG MERUPAKAN USAHA SAMA DENGAN SYARIKAT JEPUN TIDAK MENGALAMI SEBARANG MASALAH.

PERDANA MENTERI BERKATA SEBUAH SYARIKAT JEPUN TELAH BERSETUJU UNTUK MEMBERI SUBSIDI DENGAN MEMBELI LEBIH BANYAK BESI WAJA KELUARAN KILANG ITU.

+JADI TIDAK ADA MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PERWAJA TETAPI MENGAPA MAJALAH ITU CUBA MEWUJUDKAN ISU?+ TANYA PERDANA MENTERI. -  
BERNAMA.

2146MST 29 10 86